

02 MAR 1998

Perubatan

MALAYSIA DIPILIH UNTUK PENGGUNAAN TELEPERUBATAN YANG PERTAMA

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Malaysia telah dipilih sebagai satu daripada tiga lokasi di seluruh dunia bagi pelaksanaan "Patient Information Folder" (PIF) yang pertama, iaitu kegunaan teleperubatan yang memberikan profesional dalam bidang kesihatan laluan kepada pakar perubatan terkemuka di negara-negara lain, melalui komputer.

Pusat Pakar Utama di Kedah telah dipilih untuk melakukan ujian klinikal secara bersama dengan Hospital St Mary dan Hospital Hammersmith di London dan "University of Southern California" di Los Angeles, dalam tempoh empat minggu lagi.

Prof R.I. Kitney dari "Imperial College of Science, Technology and Medicine", London, telah membangunkan sistem tersebut, hari ini berkata ujian itu dijangka akan mengambil masa selama tiga bulan, manakala penggunaan am di seluruh dunia akan mengambil masa setahun, selepas kajian.

Kajian itu adalah penting kerana Jabatan Makanan dan Dadah Amerika Syarikat sangat "teliti" berkaitan sistem itu digunakan di hospital, katanya kepada pemberita selepas mengadakan demonstrasi sistem itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Teknologi Malaysia di sini. Turut hadir ialah Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Kitney, Pengarah bagi Pusat Sistem Biologi dan Perubatan berkata Malaysia dipilih bagi pusat ujian klinikal itu kerana negara ini membangunkan Koridor Raya Multimedia.

Sistem itu juga membolehkan doktor mendapat laluan menerusi komputer dengan menggunakan talian telefon dan teknologi berasaskan jaringan, menggunakan kad pintar, berikutan yang mana hospital tertentu dengan mudah mendapat laluan kepada rekod perubatan pesakit.

PIF adalah sistem rekod pesakit yang moden dan berupaya mengendalikan pelbagai jenis data, katanya.

Sistem itu juga membolehkan laluan kepada penjagaan kesihatan lanjutan untuk pakar yang berada di tempat jauh, perubatan tanpa sempadan dan pasaran perubatan antarabangsa, katanya.

Kitney berkata kemudahan itu membolehkan penyepaduan masyarakat penjagaan kesihatan kebangsaan dengan perubatan antarabangsa, dan di antara manfaatnya termasuklah pesakit yang pada dahulunya terpaksa pergi ke seberang laut untuk mendapatkan rawatan sekarang boleh mendapatkan rawatan di tempat sendiri.

Sistem itu, di Pusat Pakar Utara akan dipasang oleh Kulim Technology Management Sdn Bhd.

Pengurus Besar Kumpulan Kulim Technology Management Sdn Bhd Mazli bin Mohd Ramli berkata syarikat itu dalam proses memasang perkakasan komputer sistem itu, dan apabila ia siap kelak, mereka yang terlibat termasuk doktor akan mengikuti latihan untuk memahirkan diri dengan sistem itu.--BERNAMA

ARA RI